

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 15 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah insentif-insentif yang disediakan oleh Kementerian bagi menolong menampung kos penghijrahan para pengusaha pertanian moden yang ingin bergerak kepada pertanian digital menggunakan Internet of Things (IoT).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini telah memperkenalkan pelbagai insentif untuk menarik lebih ramai pengusaha terutamanya golongan muda untuk menceburi pertanian digital/pintar ini antaranya seperti:

a) Penyediaan peruntukan sebanyak RM120,000 bagi pelaksanaan kursus kilang tanaman oleh MARDI dan disasarkan kepada petani-petani moden yang berminat untuk menjalankan penanaman secara kilang tanaman menggunakan teknologi IoT. Kursus tersebut diberikan secara percuma kepada petani-petani yang berminat;

b) Penyediaan kursus dan latihan khas dalam bidang IoT seperti Program AGORA iaitu Program Latihan *Flagship* Agropreneur Muda MARDI yang dilaksanakan secara bersiri di seluruh negara bermula pada tahun 2016;

SOALAN NO : 62

c) Penggunaan teknologi digital melalui aplikasi mudah alih yang boleh diakses menggunakan telefon pintar dan peranti mudah alih yang lain. Sebagai contoh, MARDI telah membangunkan 25 aplikasi mudah alih untuk membantu petani dalam penjagaan tanaman seperti cili, cendawan dan madu kelulut. Kesemua aplikasi ini boleh dicapai dan boleh dimuat turun secara percuma melalui Android atau IOS;

d) Pemberian bantuan geran Agropreneur Muda berbentuk barangan (*in-kind contribution*) sehingga RM20,000 di mana keutamaan diberikan kepada penggunaan teknologi moden;

e) Penyediaan Skim Pembiayaan Mekanisasi dan Automasi bagi perolehan peralatan dan sistem mekanisasi dan automasi seperti jentera, traktor dan lain-lain;

f) Penyediaan khidmat nasihat teknikal kepada petani muda melalui jabatan/agensi berkaitan di bawah Kementerian bagi menambahbaik dan menyelesaikan isu-isu yang dihadapi; dan

g) Penganjuran program-program penemusiaan antara petani dan syarikat-syarikat teknologi bagi mempercepatkan pemindahan teknologi moden.

Dalam RMKe-12, pertanian moden melalui penggunaan aplikasi IoT akan diberikan penekanan bagi menggalakkan penglibatan golongan muda dan mengurangkan penggunaan tenaga kerja asing. Penekanan juga diberikan kepada pelabur-pelabur bagi menggalakkan penggunaan teknologi moden dalam sektor pertanian.

Sekian, terima kasih.